GOPELA KRISHNAN ARUMUGAM lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL WAHAB MOHAMED H
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: AA-43-13-09-2022]
12 JANUARI 2023

Abstrak – *Hakim/Majistret dalam satu inkues kematian perlu mengambil kira kesemua keterangan berkaitan kematian si mati dan tidak terikat dengan prosedur serta undang-undang yang lazim diterima pakai dalam perbicaraan biasa. Apabila menyiasat punca kematian, itu termasuk kesemua perkara berkaitan bagaimana si mati meninggal dunia, dan sama ada wujud kecuaian atau penglibatan orang lain. Dalam kes ini, tanpa keterangan keadaan yang membuktikan kewujudan ancaman nyawa terhadap pihak polis oleh si mati, dakwaan pihak polis bahawa mereka melepaskan tembakan balas terhadap si mati untuk mempertahankan diri tidak boleh diterima, lebih-lebih lagi apabila pihak polis melanggar garis panduan 'Inspector General Standing Order' semasa melepaskan tembakan pada si mati.*

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman – Keputusan Hakim Koroner – Permohonan mengetepikan keputusan terbuka prosiding inkues kematian – Polis menembak mati mangsa – Sama ada polis membalas tembakan mangsa – Sama ada ketiadaan kelongsong peluru dan sisa tembakan pada si mati mendalihkan fakta mangsa ada melepaskan tembakan – Sama ada polis mematuhi garis panduan 'Inspector General Standing Order' semasa melepaskan tembakan ke arah mangsa – Sama ada ancaman nyawa oleh mangsa terbukti – Sama ada tembakan oleh polis untuk mempertahankan diri – Sama ada tembakan dengan 'aim to kill' – Sama ada unsur-unsur salah guna kuasa dan menyalahi undang-undang oleh polis dibuktikan – Sama ada keputusan Hakim Koroner diketepikan*

Permohonan semakan ini adalah untuk mengetepikan keputusan terbuka Hakim Koroner dalam satu prosiding inkues kematian Mohan Gopela Krishnan ('si mati') bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan seterusnya memerintahkan satu dapatan untuk menentukan 'who was criminally concerned' dalam kematian si mati. Prosiding inkues dijalankan berikutan kematian Mohan Gopela Krishnan ('si mati') akibat ditembak oleh dua orang pegawai polis iaitu ASP Sujkit Singh (SI-3) dan Detektif Sarjan Zulhadi (SI-4). Fakta menunjukkan SI-3, semasa mengetuai 'Ops Cantas' dalam rondaan bersama-sama dengan tiga orang anggota lain, termasuk SI-4, terserempak dengan sebuah motokar di Pekan Air Tawar dalam keadaan mencurigakan iaitu motokar dipandu perlahan, memerhatikan jalan dan deretan kedai yang tidak beroperasi pada

A waktu awal pagi. Semasa menghampiri motokar Waja tersebut dan meminta pemandu Waja, si mati, berhenti dengan menekan 'hon' dan SI-3 menjerit dengan memperkenalkan diri sebagai polis, si mati telah memecut laju. Satu kejadian kejar-mengejar berlaku antara motokar Waja dengan pasukan polis sehingga motokar Waja tersebut terbabas ke tepi jalan. Si mati turun dari
B tempat pemandu dan apabila SI-3 dan SI-4 turun sambil menjerit 'polis', SI-3 terdengar satu das tembakan dan mendapati si mati sedang memegang sepucuk pistol. Demi mempertahankan diri, SI-3 dan SI-4 masing-masing telah melepaskan dua dan satu das tembakan ke arah si mati. Bedah siasat atas mayat si mati menunjukkan sebab kematian adalah akibat terkena tiga das
C tembakan yang tembus keluar, dua di dada kiri dan satu di paha kanan serta tiada peluru pada badan. Punca kematian ialah pendarahan berlebihan akibat luka-luka tembak di dada si mati. Isu yang timbul adalah sama ada pihak polis, SI-3 dan SI-4, menembak si mati dengan tujuan mempertahankan diri dan adakah siapa-siapa bertanggungjawab secara jenayah berhubung kematian si
D mati tanpa membuat apa-apa dapatan tentang liabiliti jenayah orang itu.

Diputuskan (mengetepikan keputusan Hakim Koroner):

(1) 'Punca kematian' dalam s. 328 KTJ didefinisi sebagai '... semua perkara yang perlu untuk membolehkan suatu pendapat dibuat bagaimana si mati itu menemui ajalnya ...'. Ini bermakna punca kematian yang
E dimaksudkan bukan sahaja terhad pada punca kematian yang diperoleh hasil bedah siasat, itu juga merangkumi, segala hal dan keadaan bagaimana si mati menemui ajalnya, sama ada terdapat apa-apa kecuaian atau penglibatan orang lain dalam kematian si mati. Jelasnya, inkues kematian bukanlah satu perbicaraan jenayah. Tidak ada pertuduhan,
F pendakwaan, mahu pun pembelaan. Mahkamah tidak terikat dengan prosedur serta undang-undang yang lazim diterima pakai semasa perbicaraan biasa. (perenggan 12, 13, 19 & 20)

(2) Laporan trajektori tidak dikemukakan ke mahkamah untuk menentukan bagaimana insiden tembak-menembak berlaku. Kesan asid
G deoksiribonukleik (DNA) dan kesan cap jari si mati juga tidak dijumpai pada pistol yang dikatakan digunakan oleh si mati. Juga, tidak ada ujian 'gunshot residue'/sisa tembakan ('GSR') 'primary' atau 'secondary' yang dibuat untuk menunjukkan si mati telah melakukan tembakan sehingga anggota polis melepaskan tembakan balas terhadap si mati.
H Dengan ketiadaan kelongsong peluru di tempat kejadian dan GSR pada tangan si mati, keterangan SI-3 dan SI-4 bahawa si mati melepaskan tembakan dahulu terhadap mereka tidak disokong. Laporan kimia juga menunjukkan tiada kesan tembakan iaitu GSR pada semua stub logam si mati. Ini bermakna si mati tidak melepaskan tembakan terhadap
I SI-3 dan SI-4. (perenggan 38-40 & 43)

(3) Hakim Koroner gagal mempertimbangkan garis panduan 'Inspector General Standing Order ('IGSO') untuk pihak polis apabila melepaskan tembakan pada mana-mana individu, iaitu pihak polis perlu: (i) menembak di kaki; atau (ii) menembak tayar. SI-3 dan SI-4 tidak mengikuti garis panduan IGSO dan mengakui menembak dada/badan si mati, dengan itu, menunjukkan 'complete ignorance' terhadap kewujudan garis panduan ini dalam 'discharge of their duties'. Perbuatan SI-3 dan SI-4 bertentangan dengan garis panduan yang telah ditetapkan dan 'ignorance' terhadap kewujudan IGSO tersebut tidak munasabah. (perenggan 45 & 46)

(4) Keterangan keadaan menunjukkan tidak terdapat ancaman nyawa yang diwujudkan oleh si mati walaupun saksi-saksi polis mengatakan bahawa tembakan telah dilepaskan ke arah si mati demi membalas tembakan si mati ke arah anggota polis. Tembakan yang dilepaskan oleh SI-3 dan SI-4 terhadap si mati bukan tindakan mempertahankan diri daripada ancaman selaras dengan peruntukan s. 39(b) dan s. 39(d) Akta Senjata 1960. Malahan, SI-4 dalam keterangannya mengakui pihak polis, iaitu SI-3 dan SI-4, menembak si mati dengan tujuan 'aim to kill' dan keterangan ini tidak dicabar atau dipersoal semula oleh pihak pendakwaan. Si mati meninggal disebabkan terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri. (perenggan 42, 44 & 48)

Kes-kes yang dirujuk:

In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased [2007] 2 CLJ 362 HC ***(dirujuk)***
In Re Chung Sui Keong, Deceased [2010] 1 LNS 93 HC ***(dirujuk)***
In Re Inquest Into The Death Of Sujatha Krishnan, Deceased [2009] 5 CLJ 783 HC ***(dirujuk)***
In Re Loh Kah Kheng (Deceased) (No 2) [1990] 1 LNS 165 HC ***(dirujuk)***
Ketua Polis Daerah Shah Alam & Ors v. Nor Azura Amzah & Anor And Another Appeal [2018] 1 CLJ 792 CA ***(dirujuk)***
Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP [2017] 4 CLJ 434 CA ***(dirujuk)***
PP v. Seeralan Suppiah [1985] 1 CLJ 524; [1985] CLJ (Rep) 250 SC ***(dirujuk)***
PP v. Shanmugam & Ors [2002] 1 LNS 160 HC ***(dirujuk)***
Teoh Meng Kee v. PP [2014] 7 CLJ 1034 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Arms Act 1960, s. 39(b), (d)
Courts of Judicature Act 1964, s. 35(1)
Criminal Procedure Code, s. 323
National Land Code, ss. 323, 328, 337, 338(1)

Bagi pihak perayu - Peguam Persekutuan
Bagi pihak responden - V Selvaratnam; T/n V Selva & Assocs

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Mohamed H:

Pengenalan

B **[1]** Ini adalah permohonan untuk semakan terhadap keputusan Hakim Koroner bertarikh 29 Ogos 2022 dalam satu prosiding inkues kematian Mohan Gopela Krishnan ('si mati') di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[2] Gopela Krishnan a/l Arumugam iaitu pemohon dalam kes semakan ini adalah bapa kandung kepada si mati.

C

[3] Semakan yang dipohon adalah untuk mengenepikan keputusan terbuka (open verdict) yang dibuat oleh Hakim Koroner bertarikh 29 Ogos 2022 dan seterusnya untuk memerintahkan suatu dapatan bagi menentukan "who was criminally concerned" di dalam kematian si mati.

D **Undang-undang**

[4] Tujuan sesuatu semakan dibuat oleh Mahkamah Tinggi di bawah s. 323(1) Bab XXXI KTJ adalah untuk memastikan sesuatu dapatan, hukuman atau perintah yang dibuat oleh mahkamah rendah adalah betul, menurut undang-undang dan wajar.

E

[5] Seksyen 323(1) memperuntukkan:

> A judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that Subordinate Court.

F

[6] Seksyen 35(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 pula memperuntukkan:

> (1) In addition to the powers conferred on the High Court by this or any other written law, the High Court shall have general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it appears desirable in the interests of justice, either of its own motion or at the instance or at the instance of any party or person interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court, call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.

G

H

[7] Berhubung dengan prosiding inkues kematian pula, hakim/Majistret yang bertindak sebagai Koroner bertugas untuk menyiasat bila, di mana, bagaimana sesuatu kematian berkenaan berlaku dan sama ada mana-mana orang ada terlibat secara jenayah dengan kematian tersebut. Ini diperuntukkan dengan jelas di bawah s. 337 KTJ:

I

> A Magistrate holding an inquiry shall inquire when, where, how and after what manner the deceased came by his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of the death.

[8] Tugas seorang hakim/Majistret yang bertindak sebagai Koroner adalah untuk memutuskan lima perkara berikut:

(i) bilakah si mati meninggal dunia;

(ii) di mana si mati meninggal dunia;

(iii) bagaimana si mati telah meninggal dunia;

(iv) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan

(v) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati.

[9] Perkara-perkara ini telah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes-kes berikut:

(i) *In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased* [2007] 2 CLJ 362;

(ii) *In Re Chung Sui Keong, Deceased* [2010] 1 LNS 93;

(iii) *PP v. Shanmugam & Ors* [2002] 1 LNS 160;

(iv) *In Re Inquest Into The Death Of Sujatha Krishnan, Deceased* [2009] 5 CLJ 783.

[10] Hakim Sulong Matjeraie di dalam kes *In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased* [2007] 2 CLJ 362 menyatakan:

> Section 337 of the CPC serves as the terms of reference within which the Coroner conducts the inquest into the death of the deceased. As such the Coroner cannot act outside the perimeter of the said terms of reference.

[11] Di dalam kes *In Re Loh Kah Kheng (Deceased) (No 2)* [1990] 1 LNS 165; [1990] 2 MLJ 126 diputuskan:

> ... It is the primary duty of the learned Magistrate conducting the inquiry to satisfy himself that there is sufficient evidence in whatever form or manner elicited and whether admissible or not, which could assist him in establishing the cause of death of the deceased, he is perfectly entitled to know and take cognisance of it.

[12] Seksyen 328 KTJ ada memberi definisi 'punca kematian' yang menyatakan "... semua perkara yang perlu untuk membolehkan suatu pendapat dibuat bagaimana si mati itu menemui ajalnya ...".

[13] Ini bermakna punca kematian yang dimaksudkan itu bukan sahaja terhad kepada punca kematian yang diperolehi hasil daripada bedah siasat, ianya juga merangkumi segala hal dan keadaan bagaimana si mati menemui ajalnya sama ada sekiranya terdapat sebarang kecuaian atau penglibatan orang lain dalam kematian si mati.

[14] Seterusnya hakim/Majistret yang menjalankan inkues kematian ini hendaklah merakamkan keterangan dan dapatannya dan seterusnya hendaklah dengan segera mengemukakan rakaman keterangan dan dapatannya tersebut daripada Pendakwa Raya seperti yang diperuntukkan di bawah s. 338(1) KTJ:

> The Magistrate holding an inquiry under this Chapter shall record the evidence and his finding thereon and shall immediately transmit to the Public Prosecutor the original of such evidence and finding duly authenticated by his signature or a copy of such evidence and finding certified under his hand as correct.

Standard Pembuktian

[15] Piawaian pembuktian ialah di atas imbangan kebarangkalian (balance of probability) sepertimana dinyatakan oleh HMR YA Mah Weng Kwai dalam kes *Teoh Meng Kee v. PP* [2014] 7 CLJ 1034 di ms. 1079 para. 111:

> It will be noted that s. 328 of the CPC speaks of "opinion". The section does not stipulate what the standard of proof that has to be applied in an inquiry of death. Although s. 328 of the CPC is silent on the standard of proof, of course, it cannot be said that there is no standards to be applied. That would be an unacceptable position in law. I am of the view that all that is required of the Magistrate is to arrive at an opinion applying the balance of probabilities (civil) standard test on objective basis. There must be sufficient evidence to arrive at an opinion, in particular whether the death resulted in any way from or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any other person. (penekanan ditambah)

[16] Dalam kes inkues *In Re Loh Kah Kheng* [1990] 1 CLJ 823; [1990] 2 CLJ (Rep) 156; [1990] 2 MLJ 126, Hakim Mohamed Dzaiddin (pada masa itu) telah menggariskan prinsip penting bagi seseorang koroner yang menjalankan siasatan kematian seperti berikut:

> ... the magistrate holds an inquiry by examining witnesses on oath and while usually following the ordinary rules of evidence, he may admit any evidence which he thinks fit, especially hearsay evidence. His duty is to ascertain the cause of death and he is not bound to follow usual procedure of law court.

Dalam perenggan terakhir, YA Hakim tersebut menyatakan:

> I am, therefore of the opinion that so long as the learned magistrate was satisfied that there was evidence, in whatever form or manner elicited and whether admissible or not, which could assist her in establishing the cause of death of the deceased, she was perfectly entitled to know and take cognisance of it.

[17] Di dalam kes *PP v. Shanmugam & Ors* [2002] 1 LNS 160, Hakim Suriyadi memutuskan: A

> To reiterate, when conducting an inquiry a magistrate must confine himself to the evidence and arrive at a specific verdict based only on the established facts pursuant to s. 337 of the CPC. Probabilities and guesswork can never be the basis for that specific verdict. B

[18] Micheal Barnes, State Coroner di Brisbane, Australia di dalam kes *Inquest Into The Death Of Liam Richard Vidler-Cumming* menyatakan:

> An coroner should apply the civil standard of proof, namely the balance of probabilities, but the approach referred to as the Briginshaw sliding scale is applicable. This means that the more significant the issue to be determined, the more serious an allegation or the more inherently unlikely an occurrence, the clearer and more persuasive the evidence needed for the trier of fact to be sufficiently satisfied that it has been proven to the civil standard. C

Prosedur D

[19] Jelasnya, inkues kematian bukanlah satu perbicaraan jenayah. Tidak ada pertuduhan, tidak ada pendakwaan mahu pun pembelaan. Dalam erti kata lain, tiada tertuduh yang dibicarakan oleh mahkamah. Hakim/Majistret yang bertindak sebagai Koroner hanya menjalankan siasatan berhubung kematian berkaitan. Tugas Timbalan Pendakwa Raya atau pegawai pendakwa pula hanya untuk membantu Hakim/Majistret dalam pemeriksaan saksi-saksi bagi mendapatkan keterangan yang perlu. Ini dijelaskan oleh Mahkamah Agung (ketika itu) dalam kes *PP v. Seeralan Suppiah* [1985] 1 CLJ 524; [1985] CLJ (Rep) 250 seperti berikut: E F

> As inquest is not like a trial. There are no parties to prosecute and to defend. It is only an inquiry by a Magistrate as to the cause of death and prosecuting officer is there not to prosecute anyone but only to assist the Court with the examination of witnesses for the purpose of giving evidence. A defence Counsel present at an inquest is not there to defend anyone, but only to look after the interests of those who engage him. Whilst he has no right to speak as of right, this right seldom becomes an issue because the Court normally gives such indulgence whenever it is asked. However, although addressing the Court without permission is not a contempt it is certainly not polite to do so without permission. In polite circles such as the legal profession this simple etiquette is expected. G H

[20] Mahkamah boleh mengambil kira semua perkara dan keterangan berkenaan kematian si mati bagi membolehkan mahkamah membuat siasatan serta menjawab lima persoalan seperti yang diperuntukkan undang-undang seperti yang dirujuk di atas. Ini bermakna keterangan (dengar cakap) juga boleh diambil kira oleh mahkamah semasa untuk membuat keputusan bagi menjawab persoalan berkenaan kematian si mati. Mahkamah tidak terikat I

dengan prosedur serta undang-undang yang lazim diterima pakai semasa perbicaraan biasa. Perkara ini telah diputuskan mahkamah melalui kes *In Re Loh Kah Kheng* [1990] 1 CLJ 823 Hakim Mohamed Dzaiddin yang dengan nyatakan menyatakan seperti berikut:

> I am, therefore of the opinion that so long as the learned magistrate was satisfied that *there was evidence, in whateverform or manner elicited and whether admissible or not, which could assist her in establishing the cause of death of the deceased, she was perfectly entitled to know and take cognizance of it.*
>
> (penekanan ditambah)

Di bawah 'held', mahkamah memutuskan:

> The function of a magistrate in holding an inquiry of death is to inquire, *inter alia*, whether any person is criminally concerned in the cause of death. *The inquiry is to be held by examining witnesses on oath and the magistrate may admit any evidence which he thinks fit, especially hearsay evidence. His duty is to ascertain the cause of death and he is not bound to follow usual procedure.*
>
> (penekanan ditambah)

Fakta Kes

[21] Prosiding inkues dijalankan berikutan kematian seorang lelaki India bernama Mohan a/l Gopela Krishnan ('si mati') akibat ditembak oleh dua orang pegawai polis iaitu ASP Sujkit Singh a/l Jagaru Singh (SI-3) dan Detektif Sarjan Zulhadi bin Ramli (SI-4) pada 8 Oktober 2016 di Manjung, Sitiawan, Perak. Kejadian tembakan ini berlaku pada 8 Oktober 2016 lebih kurang jam 3.40 pagi di Jalan Besar Simpang Lima, Pekan Gurney, Manjung, Perak.

[22] Pada 7 Oktober 2016, pukul lebih kurang 10 malam hingga 8 Oktober 2016 pukul lebih kurang 3.40 pagi, SI-3 iaitu ASP Sukjit Singh Jagara Singh mengetuai "Ops Cantas" rondaan kawasan Sitiawan dan juga Air Tawar bersama dengan tiga orang lagi anggota iaitu Sarjan Raini, Koperal Zulhadi (SI-4) dan Koperal Hazrul dengan menaiki kereta pasukan, Proton Preve tanpa lambang polis.

[23] Kedudukan dalam kereta pasukan, SI-3 duduk di kerusi hadapan bahagian penumpang, dipandu oleh Detektif Koperal Hazrul Azrai, belakang SI-3 adalah Detektif Koperal Zulhadi Ramli (SI-4) dan belakang pemandu ialah Sarjan S Raini.

[24] Pada pukul lebih kurang 3.15 awal pagi, semasa sedang membuat rondaan, pasukan rondaan terserempak dengan sebuah motokar Proton Waja No. Pendaftaran JHF 1921 di Pekan Air Tawar dalam keadaan mencurigakan iaitu motokar dipandu perlahan, memerhatikan jalan dan deretan kedai yang tidak beroperasi pada waktu awal pagi.

[25] Semasa kenderaan pasukan menghampiri motokar Waja tersebut dan meminta pemandu Waja berhenti dengan menekan 'hon' dan SI-3 telah menurunkan cermin serta menjerit dengan memperkenalkan diri sebagai polis kepada pemandu motokar Proton Waja tersebut. SI-3 juga telah keluarkan tangannya di tingkap kereta dan menjerit-jerit, "berhenti-berhenti, polis, polis, polis", namun pemandu motokar Waja tersebut telah memecut laju dan menghala ke arah Sitiawan, Perak.

[26] Satu kejadian kejar-mengejar telah berlaku antara motokar Proton Waja yang dinaiki oleh si mati dengan pasukan polis dengan kelajuan melebihi 100km/j dalam jarak tujuh hingga sepuluh kilometer.

[27] Seterusnya, SI-3 dan pasukan cuba untuk memberhentikan motokar Waja tersebut dengan cara memasang lampu dan menekankan 'hon' dan apabila motokar Waja tersebut sampai di Simpang 5, Sitiawan, motokar tersebut terus masuk kelaluan Simpang 5 dan masih dalam keadaan laju dan apabila sampai di satu simpang lebih kurang 90° simpang tersebut untuk masuk ke Jalan Simpang 5, motokar Waja tersebut telah terbabas ke tepi jalan.

[28] Seorang lelaki telah turun dari motokar tersebut dari tempat pemandu. Manakala, SI-3 dan SI-4 yang duduk belakang SI-3 juga turun dari kereta pasukan polis sambil menjerit "Polis!" di mana SI-3 terdengar satu das tembakan dan mendapati lelaki tersebut sedang memegang sepucuk pistol.

[29] Demi mempertahankan diri, SI-3 dan SI-4 masing-masing telah melepaskan dua dan satu das tembakan menghala ke arah lelaki tersebut. SI-3 nampak lelaki tersebut jatuh, dan setelah merasakan tiada ancaman lagi, SI-3 menghampiri lelaki yang telah rebah dan mendapati terdapat kesan tembakan di dada. Si mati telah ditembak mati oleh SI-3 dan SI-4 semasa kejadian tembak-menembak tersebut.

[30] Usai kejadian, hasil pemeriksaan pihak polis mendapati berhampiran jasad si mati, terdapat senjata pistol yang digunakan untuk menyerang pihak polis. Seterusnya, SI-3 telah membuat semakan kad pengenalan mendapati si mati ialah seorang lelaki India bernama Mohan a/l Gopela Krishnan dan semakan mendapati si mati tersenarai "wanted" dan juga terdapat beberapa rekod kesalahan lampau.

[31] Bedah siasat ke atas mayat si mati telah dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik, Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Dr Siti Zanariah binti Md Naziri (SI-6) di mana bedah siasat terhadap mayat si mati telah dijalankan pada 8 Oktober 2016 bermula jam 1.50 petang. Dapatan SI-6 yang dilaporkan mengenai sebab kematian si mati terkena tiga das tembakan yang tembus keluar iaitu dua di dada kiri dan satu di peha kanan serta tiada peluru pada badan. Punca kematian ialah pendarahan berlebihan akibat luka-luka tembak di dada si mati.

A **Dapatan Mahkamah**

[32] Isu yang timbul adalah, sama ada pihak polis (SI-3 dan SI-4) menembak si mati atas tujuan mempertahankan diri dan adakah sesiapa yang bertanggungjawab secara jenayah berhubung kematian si mati tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

B

[33] Pada 29 Ogos 2022, Hakim Koroner telah membuat keputusan terbuka (open verdict) berkenaan fakta si mati telah meninggal dunia akibat ditembak polis iaitu SI-3 dan SI-4 yang masing-masing melepaskan tembakan semasa kejadian ketika menjalankan tugas sebagai pegawai polis. Isunya sama ada tembakan dilepaskan polis, SI-3 dan SI-4 adalah sah di sisi undang-undang ("lawful") atas dasar mempertahankan diri.

C

[34] Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Teoh Meng Kee v. PP* [2014] 7 CLJ 1034, keputusan terbuka (open verdict) bermaksud satu keputusan apabila keterangan yang ada tidak menunjukkan keseluruhan punca kematian. Merujuk ms. 1062 kes:

D

> The "Open Verdict"
>
> [49] To return an open verdict is not a sign of failure; it is a verdict in its own right. We have been referred to a very useful text by Christopher Dorries; *Coroners' Courts – A Guide to Law and Practice* (2nd edn), which deserves quotation for its concise statement of the principles:

E

> > An open verdict is a decision by the coroner or jury that the evidence 'does not fully or further disclose the means whereby the cause of the death arose'. It is a verdict in its own right, indicating that the evidence is insufficient to satisfy any other conclusions. This may arise because, despite the best efforts of an investigation, it is impossible to determine whether a death was intended a suicide or came about by accident. In other cases, there may be a suspicion that foul play is involved but no proof to the required level ... (at p. 272 of the text).

F

G

[35] Keterangan lisan SI-3 dan SI-4 menyatakan bahawa setelah motokar Proton Waja No. Pendaftaran JHF 1921 tersebut terbabas, SI-3 dan SI-4 nampak seorang lelaki yang memandu motokar tersebut (si mati) telah keluar dari dalam kereta sambil memegang pistol dan SI-3 serta SI-4 juga terus keluar dari kereta pasukan polis dan menjerit 'polis'. Sejurus selepas, SI-3 dan SI-4 menjerit 'polis', lelaki tersebut (si mati) telah melepaskan satu das tembakan ke arah SI-3 dan SI-4, namun tersasar.

H

[36] Bagi mempertahankan diri dan pasukan, SI-3 telah melepaskan dua das tembakan dan SI-4 telah melepaskan satu das tembakan ke arah lelaki tersebut (si mati). Lelaki tersebut (si mati) ditemui terbaring dalam keadaan terlentang di atas rumput di hadapan keretanya dan terdapat sepucuk pistol berhampiran dengan tangan si mati.

I

[37] Berdasarkan keterangan, hasil pemeriksaan mendapati terdapat tiga luka tembus keluar, dua di bahagian dada kiri dan satu di bahagian paha kanan. Jadi si mati mendapat tiga kesan tembak. Tidak dijumpai "slug" atau kepala peluru di badan si mati dan jarak tembakan melebihi dua kaki oleh kerana tidak dijumpai "muzzle mark", kesan asap ataupun kesan terbakar di sekitar luka tembak masuk dan tidak dijumpai apa-apa kecederaan lain di badan si mati.

[38] Setelah meneliti keseluruhan keterangan, laporan trajektori juga tidak dikemukakan ke mahkamah bagi menentukan bagaimana insiden tembak-menembak berlaku pada tarikh 8 Oktober 2016 tersebut. Walaupun SI-3 dan SI-4 di dalam keterangan mengatakan bahawa mereka masing-masing telah melepaskan tembakan terhadap si mati dalam keadaan mempertahankan diri bagi menghapuskan ancaman nyawa yang diwujudkan oleh si mati tersebut selaras dengan peruntukan di bawah s. 39(b) dan s. 39(d) Akta Senjata 1960, namun laporan trajektori tidak dikemukakan ke mahkamah untuk menyokong keterangan tersebut.

[39] Keterangan SI-5 pula menyatakan bahawa kesan asid deoksiribonukleik (DNA) dan juga kesan cap jari si mati tidak dijumpai atas pistol yang dikatakan digunakan oleh si mati tersebut. Timbul persoalan mengapa tidak ada kesan DNA dan cap jari si mati yang dikesan pada senjata yang dikatakan dipegang oleh si mati semasa kejadian tembak-menembak tersebut berlaku kerana seseorang yang menggunakan senjata akan meninggalkan kesan cap jari ataupun DNA atas senjata seperti yang dinyatakan oleh SI-5.

[40] Tambahan juga, tidak ada ujian "gunshot residue"/sisa tembakan (GSR) "primary" atau "secondary" yang dibuat di dalam kes ini bagi menunjukkan si mati telah melakukan tembakan seperti yang didakwa sehingga anggota polis melepaskan tembakan balas terhadap si mati tersebut. Bukti yang dikemukakan ialah mengenai kehadiran GSR sahaja.

[41] Mahkamah ini setelah meneliti keterangan saksi-saksi dan berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, terdapat pelbagai persoalan fakta yang timbul berkenaan dengan kejadian tembak-menembak yang berlaku pada 8 Oktober 2016 tersebut; antaranya ialah seperti berikut:

(i) kedudukan tombol gear motokar Proton Waja yang berada di dalam kedudukan "P" dan tombol brek tangan yang telah ditarik seperti yang dapat dilihat di dalam gambar tempat kejadian 36 dan 37 di eksh. I 2 selepas motokar Proton Waja tersebut dikatakan terbabas ketika dikejar oleh pasukan polis. Kedudukan tombol gear dalam keadaan "P" dengan tombol brek tangan dalam keadaan ditarik ke atas ini gagal dijelaskan oleh saksi-saksi polis. Saya berpendapat, kedudukan tombol gear pada kedudukan "P" serta tombol brek tangan yang ditarik ke atas tersebut tidak mencerminkan keadaan pemandu yang berada di dalam keadaan cemas yang tergesa-gesa keluar untuk melarikan diri dari dalam kereta

yang terbabas seperti keterangan saksi-saksi polis. Kedudukan tombol gear dan tombol brek tangan tersebut tidak menunjukkan keadaan motokar Proton Waja tersebut telah terbabas; dan

(ii) jika benar, si mati telah melepaskan tembakan, tetapi tembakan tersebut tidak mengenai mana-mana pegawai polis. Namun, SI-3 dan SI-4 melepaskan tembakan terus ke dada si mati. Saya berpandangan SI-3 dan SI-4 boleh memilih untuk tidak melepaskan tembakan ke arah dada si mati.

[42] Berdasarkan keterangan dan pada tahap imbangan kebarangkalian, saya berpandangan keterangan keadaan menunjukkan tidak terdapat ancaman nyawa yang diwujudkan oleh si mati. lni adalah kerana walaupun saksi-saksi polis mengatakan bahawa tembakan telah dilepaskan ke arah si mati bagi membalas tembakan yang telah dibuat oleh si mati tersebut ke arah anggota polis, namun keterangan menunjukkan si mati tidak memberi ancaman kepada anggota polis seperti yang didakwa dan terdapat banyak persoalan fakta yang timbul berkenaan dengan kejadian tembakan yang berlaku pada 8 Oktober 2016 tersebut. Sehubungan dengan itu, saya memutuskan bahawa tembakan yang dilepaskan oleh pihak polis (SI-3 dan SI-4) terhadap si mati adalah bukan bertindak bagi mempertahankan diri dari ancaman selaras dengan peruntukkan di bawah s. 39(b) dan s. 39(d) Akta Senjata 1960.

[43] Saya berpandangan dengan ketiadaan kelongsong peluru di tempat kejadian dan ketiadaan GSR pada tangan si mati, tidak meyokong keterangan SI-3 dan SI-4 bahawa si mati melepaskan tembakan dahulu terhadap SI-3 dan SI-4 kerana ketiadaan peluru atau sarung peluru dijumpai di tempat kejadian. Saya juga telah merujuk pada laporan kimia bertarikh 16 Januari 2017 (D28) di mana didapati tiada kesan tembakan iaitu GSR ke atas kesemua stub logam si mati. Oleh yang demikian, mahu tidak mahu, ini bermakna si mati tidak melepaskan tembakan terhadap SI-3 dan SI-4.

[44] Saya juga telah meneliti keseluruhan nota keterangan prosiding inkues kematian si mati di mana saya tertarik dengan keterangan SI-4 mengakui tujuan pihak polis iaitu SI-3 dan SI-4 menembak di mati adalah untuk "aim to kill" (rujukan pada nota keterangan prosiding inkues ms. 72) dan keterangan ini tidak dicabar atau dipersoal semula oleh pihak pendakwaan. Saya perturunkan keterangan SI-4 seperti berikut:

Mahkamah	:	Soalan peguam, adakah awak tembak untuk membunuh, untuk "aim to kill" itu dalam Bahasa Inggeris, setuju atau tak setuju?
SI-4	:	Setuju Yang Arif.
Encik Raam	:	Tiada soalan lain Yang Arif. Terima Kasih.

[45] Saya juga bersetuju dengan peguam pemerhati pemohon bahawa Hakim Koroner telah gagal mempertimbangkan garis panduan "Inspector General Standing Order (IGSO)" yang telah memberikan garis panduan yang jelas bagi pihak polis dalam perbuatan melepaskan tembakan kepada mana-mana individu, di mana adalah arahan bahawa pihak polis perlu:

(i) menembak di kaki; atau

(ii) menembak tayar.

[46] Di dalam kes di hadapan saya, kedua-dua SI-3 dan SI-4 tidak mengikut garis panduan IGSO dan mengakui menembak pada dada/badan si mati. SI-3 dan SI-4 telah menunjukkan "complete ignorance" terhadap kewujudan garis panduan ini dalam "discharge of their duties". Saya berpandangan bahawa perbuatan SI-3 dan SI-4 adalah bertentangan dengan garis panduan yang telah ditetapkan dan "ignorance" terhadap kewujudan IGSO tersebut adalah tidak munasabah.

[47] Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP* [2017] 4 CLJ 434; [2017] 3 MLJ 460 jelas mendapati IGSO mempunyai efek undang-undang. Mahkamah Rayuan juga di dalam kes *Ketua Polis Daerah Shah Alam & Ors v. Nor Azura Amzah & Anor And Another Appeal* [2018] 1 CLJ 792; [2018] 5 MLJ 805 memutuskan bahawa pihak polis didapati bersalah dalam melepaskan tembakan pada simati kerana tiada bukti dikemukakan simati mengancam pihak polis.

[48] Berpandukan pada keterangan dan nas undang-undang di atas, saya dalam menjalankan kuasa semakan yang sedia ada di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 mengetepikan keputusan "open verdict" oleh Hakim Koroner pada 29 Ogos 2022 dan berkenaan adakah sesiapa yang bertanggungjawab secara jenayah ("who is criminally concerned") berhubung kematian si mati tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu, dalam kematian si mati, saya dengan ini memutuskan si mati meninggal disebabkan terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri.

[49] Dengan dapatan dari verdict ini, saya mengarahkan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara untuk melakukan apa-apa yang perlu bagi memulakan apa-apa sabitan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan seterusnya menjalankan pendakwaan sekiranya difikirkan wajar.

[50] Ini adalah kerana inkues tidak boleh menentukan sama ada apa-apa kesalahan jenayah telah dilakukan oleh mana-mana individu bertentangan dengan mana-mana undang-undang atau peraturan kerana itu adalah bukan di dalam bidang kuasa mahkamah ini tetapi bidang kuasa Pendakwa Raya.